

Perdasama Muda bantu usahawan Melayu fahami GST

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) Muda Nasional telah terlibat dalam pelbagai program bagi menerangkan struktur pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) kepada usahawan-usahawan Melayu memandangkan kumpulan tersebut dilihat tidak mempunyai pengetahuan luas dalam sistem perakaunan baharu.

Pengerusinya, Feruddin Emir Mohamad Izat Emir berkata, rata-rata usahawan yang ditemuinya seakan-akan panik dan kurang bersedia terhadap sistem percukain tersebut.

Kata beliau, terdapat dalam kalangan ahli jawatankuasa Perdasama Muda sendiri daripada akauntan bertaualiah dan kelebihan itu sedikit sebanyak dapat membantu usahawan-usahawan Melayu itu untuk mengetahui serba sedikit mengenai perakaunan GST.

"Antara kandungan yang biasa didedahkan adalah barang-barang yang dikecualikan dan tidak dikecualikan GST, struktur perakaunan

GST dan peluang-peluang perniagaan. Kami melihat pendedahan sebegini adalah penting supaya usahawan-usahawan Melayu tidak mengalami 'kejutan' sebaik sahaja GST dimulakan," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Kata Feruddin Emir, ketika ini terdapat 15,000 perniagaan Melayu yang berdaftar dengan persatuan itu dan merancang bilangannya akan bertambah 5,000 lagi tahun ini.

"Sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kami merasakan pendedahan berhubung GST amat penting lebih-lebih lagi ada di antara mereka merupakan ahli-ahli Perdasama," katanya.

Beliau turut menyarankan sebarang taklimat mengenai GST diwajibkan kepada semua pihak bagi memudahkan sistem percukain itu tidak mudah dimanipulasikan.



FERUDDIN EMIR

Sementara itu, Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F Malaysia (Perkobf), Tukiman Radion berkata, ahli-ahlinya kini sedia untuk menghadapi GST meskipun kumpulan Kontraktor Kelas F atau mengikut kelas terbaharu, G1 hanya melaksanakan kerja-kerja bernilai sehingga RM200,000.

Kata beliau, hal itu penting memandangkan mungkin terdapat bahan-bahan binaan yang dibeli oleh kontraktor tidak dikecualikan GST, justeru pemahaman GST dalam kalangan ahli persatuan itu tidak boleh diabaikan.

"Walaupun hanya melaksanakan kerja-kerja bernilai sehingga RM200,000, kemungkinan wujud kontraktor-kontraktor yang mampu menjana pendapatan yang lebih. Jika hal itu berlaku mereka masih perlu mendaftar untuk GST. Perkara-perkara ini harus difahami oleh kontraktor kelas ini," katanya.